

06 SEP 2003

Perutusan-Brazil/I/EMBARGO(Jam 0001/7 Sept)

AGONG DAN PM KIRIM PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA BRAZIL

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, hari ini mengirim perutusan tahniah kepada Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva, sempena sambutan Hari Kebangsaan negara itu.

Dalam perutusan itu, Seri Paduka berdua menyampaikan ucap selamat serta mendoakan agar Brazil dan rakyatnya sentiasa menikmati kebahagiaan, keamanan dan kemakmuran.

Sementara itu, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya, Lula da Silva, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan harapan agar pemimpin itu serta rakyat Brazil terus menikmati keamanan dan kemakmuran pada tahun-tahun akan datang.

"Hubungan antara kedua-dua negara sentiasa baik dan mesra," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata kunjungan beliau ke Brazil pada awal tahun ini berjaya mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Dalam perutusan kepada rakan sejawatannya, Celso Amorim, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata beliau berpuas hati dengan tahap hubungan dua hala yang wujud antara kedua-dua negara sekarang.

"Saya amat berharap dapat terus bekerjasama dengan anda bagi meningkatkan lagi hubungan kita dalam pelbagai bidang, demi faedah bersama," kata beliau.

-- BERNAMA

RBZ MFJ SP RON